

Sejarah pentadbiran awal di Sabah

► Bukan sekadar meluaskan pengaruh 'ketuanan' tetapi juga untuk faedah ekonomi

“ Sejarah pemerintahan Kesultanan Sulu yang bermula apabila Sultan Brunei menyerahkan sebahagian daripada jajahannya dari Kimanis hingga selatan Sungai Sibucu kepada Sultan Sulu pada tahun 1704. Ini bertujuan untuk membalas jasa baik Sultan Sulu yang berjaya menewaskan musuh Sultan Brunei di Pulau Chermin. ”

dahulu.

Namun disebalik kemegahan ini apakah generasi sekarang ini terutamanya Generasi Y mengetahui dan memahami bagaimana sejarah aktiviti berasaskan kelautan ini bermula dan berkembang pesat sepertimana yang kita saksikan pada hari ini.

Justeru itu makalah ini ditulis dengan tujuan untuk berkongsi sedikit pengetahuan kepada para pembaca berhubung sejarah pembangunan perikanan di Sabah bermula dari era Kesultanan Sulu hingga Kerajaan Negeri Sabah.

Penjelasan lanjut mengenai makalah ini boleh diperolehi dari buku yang berjudul Sejarah Pembangunan Industri Hiliran berasaskan Perikanan di Sabah yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Sabah sebelum ditadbir oleh British North Borneo Chartered Company pada tahun 1881 adalah diperintah oleh dua buah kesultanan iaitu Kesultanan Sulu di pantai timur dan Kesultanan Brunei di pantai barat Sabah.

Untuk tujuan tersebut, Sultan Sulu dan Sultan Brunei telah melantik pembesar masing-masing untuk menjalankan urusan pentadbiran di tanah jajahan tersebut.

Pemerintahan Kesultanan Brunei di pantai barat Sabah yang meliputi Teluk

Gaya, Pulau Sepanggar (Spangar), Petagas, Putatan, Kinarut, Papar (Pappar), Benoni, Sipitang (Sipotong) dan Padas Damit bertujuan untuk meluaskan pengaruh "ketuanan" Kesultanan Brunei daripada membangunkan sumber ekonomi di jajahannya.

Pemerintahan Kesultanan Sulu di pantai timur Sabah pula bukanlah bertujuan untuk meluaskan pengaruh "ketuanan" semata-mata tetapi untuk mendapatkan sebanyak mungkin sumber-sumber hutan dan maritim yang boleh diperdagangkan di pelabuhan Jolo.

Kestabilan ekonomi, politik dan peranannya sebagai sebuah emporium perdagangan antara pedagang-pedagang Barat, Asia Tenggara dan China telah menyebabkan Kesultanan Sulu meluaskan tanah jajahannya ke pulau-pulau berhampiran di sekitar kepulauan Sulu termasuk pantai timur Sabah.

Ini bertujuan untuk mendapatkan sebanyak mungkin sumber-sumber hutan dan maritim di pantai barat Sabah yang boleh diperdagangkan di pelabuhan Jolo.

Menyedari akan hakikat bahawa penjajahan Kesultanan Brunei bukanlah bertujuan membangunkan ekonomi di pantai barat Sabah, maka perbincangan selanjutnya hanya akan memberi tumpuan kepada

FOTO Menunjukkan pemandangan Sandakan (Elopura).

Kesultanan Sulu di pantai timur sahaja.

Sejarah pemerintahan Kesultanan Sulu yang bermula apabila Sultan Brunei menyerahkan sebahagian daripada jajahannya dari Kimanis hingga selatan Sungai Sibucu kepada Sultan Sulu pada tahun 1704. Ini bertujuan untuk membalas jasa baik Sultan Sulu yang berjaya menewaskan musuh Sultan Brunei di Pulau Chermin.

Pengetahuan dan pemahaman berhubung sistem ekonomi, politik dan sosial Kesultanan Sulu penting untuk dijadikan asas bagi memahami sejarah pembangunan industri hiliran berasaskan perikanan di pantai timur Sabah sebelum Sabah ditadbir secara rasminya oleh British North Borneo Chartered Company (BNBCC) pada tahun 1881.

Penglibatan Kesultanan Sulu dalam industri perikanan bukan sahaja setakat menghasilkan produk-produk perikanan tetapi juga berjaya memasarkan produk-produk perikanan yang dihasilkan di pantai timur Sabah ke peringkat antarabangsa.

Abad ke-18 telah memperlihatkan kemunculan Kesultanan Sulu sebagai sebuah kuasa politik dan ekonomi yang disegani di selatan Kepulauan Filipina.

Kedudukan Pulau Jolo yang strategik iaitu terletak di tengah-tengah laluan perdagangan antara China dan Celebes telah membolehkan Jolo muncul sebagai sebuah pelabuhan persinggahan dan pertemuan yang utama kepada para pedagang di Laut Sulu.

Menurut J.F. Warren (1981: xix)

“The Sulu archipelago bridged two worlds and lay at a most strategic point for the maritime trade of the nineteenth century.

China, the Philippines and Mindanao were situated to the north. Borneo to the southeast, and to the southeast, the Celebes and Moluccas. A watershed on the landscape of insular southeast Asia, the Sulu chain of islands separated the autonomous Muslim maritime world of the eastern archipelago in the eighteenth and nineteenth centuries from the Philippines archipelago to the north-agrarian, Christianized, and administered by Spanish colonial authorities from Manila”

Selain menjalinkan hubungan perdagangan dengan China, Luzon (Manila, Iloilo, Cotabato, Zamboanga), Celebes (Menado, Ternate, Makasar) dan Kepulauan Borneo (Bulungan, Berau, Samarinda, Pasir dan Labuan) Kesultanan Sulu juga turut menjalinkan hubungan perdagangan dengan East India Company yang berpusat di India, Sepanyol di Manila dan Belanda di Indonesia.

Kejayaan Kesultanan Sulu menarik perhatian para pedagang untuk singgah di pelabuhan Jolo dan pantai timur Sabah terutamanya Sandakan secara langsung telah menjadikan pelabuhan Jolo dan Sandakan sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran pelbagai hasil dari rantau Kepulauan Asia Tenggara, India dan China.

Ini telah menyebabkan J.F. Warren menggelarkannya sebagai “a regional emporium in the commerce between European traders, Southeast Asian realms, and China”.

Menurut Warren (1981:4) lagi:

“Sulu’s ascendancy at the end of the eighteenth century developed out of the expanding trade between India, insular Southeast Asia, and China. Commercial and tributary activity become linked to

long-distance marauding and incorporation of captive persons in a system which made Jolo the unrivalled centre for extracted produce for China trade. It is the unique character of the Sulu response and the interdependence of the three factors-external trade, raiding, and slavery”

Pemerintahan Kesultanan Sulu di Kepulauan Sulu dan pantai timur Sabah adalah bercorak monarki iaitu diperintah oleh seorang sultan dan dibantu oleh pembesar-pembesar Sulu. Berdasarkan kepada salahsilah Sulu atau “Tarsila Sulu”, Kesultanan Sulu telah diperintah oleh 32 orang sultan yang bermula daripada Sultan Syarif-ul-Hashim (1450-1480) hingga Sultan Jamal-ul-Kiram II (1884-1936).

Di bawah sistem tersebut, Sultan Sulu yang bersemayam di Jolo merupakan the highest political authority kepada kerajaan Sulu. Pentadbiran Sultan Sulu dijajahan takluknya pula diuruskendalikan oleh pembesar-pembesar Sulu yang bergelar panglima, sharif, orang kaya dan datu. C.A. Majul (1965:56) telah menggambarkan sistem pemerintahan Kesultanan Sulu seperti berikut:

“The whole of the Sulu territory belonged in theory of the Sultan, and he was considered to be the highest political authority. On each island of this predominantly archipelago state, he was represented by one or more panglimas, compared by the Europeans to governors, and under them were subordinate officials. But the panglimas in practice could not perform their official duties without the cooperation of the datus living in the respective territories assigned to the panglimas. These chiefs, sometimes from pre-Islamic families, enjoyed

power and prestige, derived from the number of their followers and their slaves and from the amount of their personal properties. The slaves tilled the land and served in the household, the followers paid tribute and followed the datu to war. In turn the datu owned tribute to the sultan, through a strong chief could evade it. The richest and most powerful datus advised the sultan in the council or ruma bichara, which discussed practically all important decisions and appointments”

Keunikan sistem politik dan pentadbiran Kesultanan Sulu yang berkonsepkan segmentary state dan memperlihatkan kepentingan hubungan antara Sultan dengan pembesar-pembesar Sulu telah digambarkan oleh J.F. Warren sebagai mirror images of each other. Menurut Warren (1981:xxii):

“The small, states of the Sulu and Celebes seas crystallized in the fifteenth and sixteenth centuries. These Muslim realms were situated on sparsely populated islands, coasts, and rivers and were reliant on trade as a resource. Lacking recognized boundaries, the political systems of these traditional polities linked widely disparate, communities and groups who were not organically united above the village in a larger, complex, dynamic web of social and political loyalties to the state. “State” is defined as the entire social system rather than a particular aspect of the social structure. Territorial dominion, a system of specialized offices, and a political hierarchy exercising some control over the use of force in the area of alleged dominion were implicit in the genesis of such traditional states (Sultanese) as Sulu, Cotabato, Brunei, and Kutai”

*****BERSAMBUNG*****



LAUT BUKAN PEMISAH

Oleh PROF MADYA DR. ISMAIL ALI
Universiti Malaysia Sabah

SABAH yang diombaki oleh Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Celebes merupakan antara negeri dalam Malaysia yang cukup kaya dengan pelbagai khazanah marin dan cukup sinonim kepada para pelancong baik dalam negeri mahupun dari luar negara.

Sebagai contoh bagi para pelancong yang datang ke Sabah amat jarang sekali bertanya di manakah terdapatnya satay kajang, nasi dagang, nasi kandar, nasi kerabu dan sebagainya melainkan bertanyakan soalan wajib iaitu dimanakah tempat makanan berasaskan laut (seafood), pulau-pulau dan tempat selam skuba yang menarik untuk dikunjungi.

Selain menjadi syurga makanan laut dan berasaskan eko-pelancongan, perairan Sabah juga turut terkenal sebagai “lubuk” pelbagai spesies ikan seperti ikan blue-marlin, ikan kerapu (keratang), ikan putih, ikan merah, ikan kerisi bali, ikan tenggiri, ikan haruan tasik, ikan barakuda, ikan tuna dan sebagainya yang sentiasa menjadi buruan kepada para kaki pancing.

Ini menunjukkan bahawa Sabah sememangnya cukup terkenal dengan kekuatan sumber marin dan eko-sistem lautnya.

Apa yang lebih membanggakan lagi sejarah pembangunan industri perikanan di Sabah pernah memperlihatkan bagaimana hasil-hasil laut kita seperti tripang, mutiara, rumpai laut, pelbagai jenis ikan yang diproses menjadi ikan masin dan ikan kering pernah menjadi antara tulang belakang kepada keutuhan ekonomi, politik dan sosial kerajaan-kerajaan tradisional dan kolonial suatu masa

